

# Paras air Sungai Tembeling kembali normal

**D**engan hujan baru-baru ini di bahagian hulu Sungai Tembeling, air sungai itu kini hampir kepada paras biasa yang sebelum ini dikatakan terlalu cetek akibat fenomena El Nino dan kononnya dimudarkan lagi oleh kerja pembalakan tidak terkawal di persekitarannya.

Paras purata kedalaman normal Sungai Tembeling khususnya di Kuala Tahan, Jerantut ialah 60 meter tetapi turun ke paras terendah dengan kedalaman 58.2 meter ketika tempoh kemuncak El Nino, Mac lalu.

Kini, menurut laporan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pahang, paras itu mencatat kedalaman kira-kira 59.56 meter. Jika hujan terus turun seperti biasa, ia akan kembali mencah paras normal 60 meter.

Dan ketika tempoh kemuncak kepanasan itu juga – dengan bacaan diambil pada Mac dan April lalu, JPS Pahang turut melaporkan kadar hujan yang rendah di kawasan Hulu Tembeling pada 68.73 milimeter (mm) sahaja.

## Kadar hujan rendah

Kadar hujan ini adalah yang terendah dalam tempoh dua bulan sama dalam jangka masa 10 tahun ini. Malah, ia jauh lebih rendah daripada catatan terendah sebelum ini dengan 187.89 mm dalam tempoh dua bulan yang sama ta-

hun lalu (2015).

Catatan pada tempoh sama tahun-tahun sebelumnya ialah 263.48mm (2014), 344.96mm (2013), 459.48mm (2012), 517.44mm (2011), 279.72mm (2010), 489.16mm (2009), 497.84mm (2008) dan 298.20mm pada 2007.

(Kadar) turunan hujan yang sangat rendah ini (68.73mm) yang menjadi penyumbang kepada jumlah air yang kurang seterusnya paras air cetek di Sungai Tembeling, kata seorang pegawai JPS Pahang.

Air yang turut mengalir masuk ke Sungai Tembeling ini ialah Sungai Lurut, Sungai Bata, Sungai Nenap, Sungai Sepia, Sungai Rek, Sungai Kembir, Sungai Senting, Sungai Sat, Sungai Relup, Sungai Keniyam, Sungai Perkai, Sungai Pengau, Sungai Terengan, Sungai Tahan, Sungai Temur, Sungai Tekai, dan Sungai Atuk.

Kecuali Sungai Kembir, Sungai Pengau dan Sungai Relup yang asalnya serta melalui tanah-tanah milik kepunyaan dua agensi kerajaan negeri, sungai yang lain adalah berpunca dan merentangi Hutan Taman Negara dan Hutan Simpan Gunung Ais.

Faktor turunan hujan luar biasa rendah ini sahaja mungkin jawapan kepada laporan berita sebelum ini yang menyebut mengenai laporan paras air Sungai Tembeling yang cetek seterusnya Sungai Pahang, juga disebabkan oleh pem-

balakan tidak terkawal selain El Nino.

## Pembalakan ancam sungai

Sehinggakan ada yang mengandai-kan Sungai Pahang – sungai sepanjang 496 kilometer (km) yang bermula di Kuala Tembeling, Jerantut dengan pertemuan Sungai Tembeling (asalnya dari sempadan Pahang/Terengganu) dan Sungai Jelai (asalnya dari Banjaran Titiwangsa, Cameron Highlands) dan berakhir di Kuala Pahang, Pekan dengan mengalir ke Laut China Selatan; kini di ambang kemusnahan ekoran gejala pembalakan itu.

Jadi, jika kerana pembalakan, dari kawasan mana, kata seorang pegawai dari Jabatan Perhutanan Negeri.

Kata orang kampung, untuk sampai ke kaki Gunung Ais pun (antara punca kepada Sungai Tembeling), mengambil masa enam hingga lapan hari – itu pun dengan menaiki kenderaan pacuan empat roda kemudian berjalan kaki.

Tak mungkin boleh sampai di sana menerusi ekspedisi PEKA selama tiga hari. Ketika cuaca panas, stesen pengepam air di Kampung Paya Gintong, Jerantut, untuk mengairi sawah padi di kawasan persekitaran, tidak pula pernah ke-keringan atau bermasalah.

 **Alamaya,**  
Kuantan.



**Paras air Sungai Tembeling** berhampiran Taman Negara Kuala Tahan kritikal ketika dilanda fenomena El Nino, April lalu.

**Fakta  
nombor**

**60** METER

paras normal  
Sungai Tembeling  
di Kuala Tahan

**496** KM

panjang Sungai  
Pahang